



Dermatological Society of Malaysia **Persatuan Dermatologi Malaysia (PDM)**

KULIT – Kempen PDM 2007 Hidup bersama Psoriasis

(Artikel 1 – Pengenalan kepada Kempen)

Psoriasis – Penyakit Kulit yang Disalah erti

Kulit merupakan perkara pertama yang dilihat pada tubuh manusia. Ini adalah asas kepada pelbagai tarikan iklan kecantikan yang kita lihat setiap hari, tetapi kini adalah waktu untuk perspektif berlainan. Manusia tidak akan lari ketakutan kerana hanya melihat kedutan.

Ini berlainan dengan psoriasis, yang boleh menyebabkan orang lain untuk menunding, merenung dengan jijik, mengalihkan pandangan mata mereka. Seseorang pada kebiasaannya cuba untuk tidak bersentuhan dengan seseorang yang menghidap psoriasis, kerana bimbang dijangkiti.

Bagaimanapun, psoriasis bukan satu penyakit berjangkit, dan ini adalah satu fakta penting yang perlu disebarkan kepada umum, supaya tanggapan dan kebimbangan mengenai penyakit itu dapat diperbetulkan.

Psoriasis adalah satu keadaan yang diwarisi yang mengakibatkan radang luka setempat atau merebak pada kulit bersisik yang boleh menjejaskan mana-mana bahagian pada kulit. Ia kerap berlaku pada kulit kepala, dan bahagian luar siku, lutut dan tulang kering. Bagi mereka yang mempunyai psoriasis, sistem imun kulit berubah dan sel-sel putih tertentu yang diaktifkan (sel T) mempercepatkan putaran pertumbuhan sel kulit; ia tidak bersalin kulit sebaliknya sel-sel itu bertindan dan membentuk sisik yang menebal pada permukaan kulit. Kira-kira 10 hingga 30 peratus manusia yang mempunyai psoriasis akan juga mengalami artritis psoriatik. Ini menjejaskan sendi pada jari dan jari kaki dan mungkin turut membabitkan leher, tulang belakang, lutut dan buku lali. Dalam kes-kes yang teruk, artritis psoriatik boleh menyebabkan hilang upaya dan kerosakan yang tidak dapat dipulihkan pada sendi.

Pada bulan ini, Persatuan Dermatologi Malaysia memulakan kempen selama enam bulan – *KULIT: Hidup Bersama Psoriasis* – untuk meyedarkan orang ramai mengenai psoriasis dan artritis psoriatik. Satu daripada matlamat kempen adalah untuk membantu menghapuskan stigma itu.

Kempen itu bertujuan mendidik semua pihak yang mungkin terbabat dengan psoriasis – pesakit, keluarga mereka, golongan perubatan, media dan orang ramai.

Menyebarkan Maklumat

Psoriasis adalah sejenis penyakit sepanjang hayat yang menjejaskan kira-kira 2-3 peratus rakyat Malaysia (sama seperti perangkaan dunia). Dr Allan K C Yee, Presiden Persatuan Dermatologi Malaysia menyatakan bahawa sekurang-kurangnya 4-5 peratus pesakit luar kulit mendapatkan



Dermatological Society of Malaysia **Persatuan Dermatologi Malaysia (PDM)**

rawatan untuk masalah psoriasis (berdasarkan kajian yang dilakukan di Universiti Hospital dan di dua hospital swasta di Lembah Klang).

Menurut Dr Yee, psoriasis seringkali silap didiagnosis oleh pesakit, ahli farmasi dan doktor sebagai kelemumur, kurap atau ekzema. Kempen itu diharap dapat meningkatkan kesedaran di kalangan pengamal perubatan; mereka selalunya merupakan orang pertama (dan kadang kala satu-satunya) titik perhubungan bagi penghidap penyakit kulit.

Kempen itu mengandungi enam pesanan komuniti di media perdana dan satu forum umum. Setiap pesanan akan mencakupi pelbagai aspek: kempen, jenis-jenis psoriasis, cabaran emosi, rawatan dan kumpulan sokongan.

Memandangkan ruang bagi pesanan komuniti itu terhad, terdapat juga artikel (ini adalah yang pertama) yang dilampirkan pada pesanan komuniti itu. Orang ramai diminta bertindak: dengan melayari laman web PDM (www.dermatology.org.my) bagi mendapatkan maklumat; merujuk senarai hospital dan klinik di laman web itu untuk ujian; menjalani ujian; menghadiri forum umum yang dirancang bagi mendengar secara langsung daripada pakar-pakar psoriasis mengenai penyakit yang disalah ertikan itu.

KULIT yang pelbagai lapisan ***

Antara kebimbangan PDM adalah mereka yang walaupun telah diberi diagnosis yang betul kadang kala hidup tanpa pengetahuan secukupnya mengenai keadaan itu. Nama Kempen itu dipilih "kerana kami mahu orang ramai memahami dan mengingati aspek-aspek utama yang membolehkan kita hidup bersama psoriasis," kata Dr Yee.

Setiap huruf pada perkataan "KULIT" mempunyai kaitan kepada sesuatu aspek khusus pada penyakit itu.

Knowledge atau Pengetahuan adalah penting. Walaupun ia tidak boleh diubah, mereka yang mengalami psoriasis yang memahami sifat semula jadi penyakit itu boleh mempunyai kehidupan yang normal, dan mengelak faktor-faktor pencetus yang boleh memburuk atau merangsangkan lagi psoriasis. Pengetahuan adalah kuasa – kuasa untuk mengubah kehidupan seseorang untuk menjadi lebih baik. Laman web seperti www.psoriasis.org dan www.dermatology.org.my adalah sumber pengetahuan yang berguna.

U adalah singkatan untuk **kamu**, sebagai individu berkenaan. Sepertimana semua penyakit berkaitan kulit yang serius, terdapat satu dimensi dalaman kepada psoriasis yang perlu ditangani. Kesihatan emosi seseorang pesakit bukan sahaja dapat mempertingkatkan kualiti kehidupan mereka, tetapi juga menggalakkan pemahaman yang lebih tinggi di kalangan orang ramai. Tekanan memburukkan lagi psoriasis; sikap kita kepada psoriasis boleh meningkatkan tekanan yang seterusnya menyebabkan psoriasis yang berterusan. Sebaliknya dan mujurlah, pengurusan tekanan yang betul dapat memberi kelegaan.

L adalah hidup bersama psoriasis dan menghadapi penyakit kulit yang utama dengan atau tanpa artritis. Tidak ramai di kalangan kita yang sedar mengenai cabaran yang dilalui oleh seorang pesakit psoriasis pada saban hari.



Dermatological Society of Malaysia **Persatuan Dermatologi Malaysia (PDM)**

Berinteraksi dengan orang lain – sama ada bersama ahli keluarga, rakan sekerja, doktor, kumpulan sokongan seperti Persatuan Psoriasis Selangor & WP – adalah sangat penting.

Treatment atau Rawatan bagi psoriasis berbeza bagi setiap individu. “Walaupun prinsip am digunakan, program rawatan harus dibuat khusus untuk seseorang pesakit, bergantung kepada keadaan penyakit, keadaan sosial, dan penyakit asas atau yang berkaitan,” jelas Dr Yee. Ini mengambil masa dan pesakit digalakkan bekerjasama dengan pakar dermatologi. Pesakit perlu mengikuti perkembangan mengenai rawatan terbaru seperti agen topikal vitamin D, dan biologik – ini memberi pilihan yang lebih selamat dan berkesan kepada pesakit.

Psoriasis menjejaskan 2-3 peratus rakyat Malaysia. Ini adalah bahagian pertama daripada enam bahagian dalam Kempen PDM 2007 “KULIT – Hidup bersama Psoriasis”. Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai psoriasis, opsyen rawatan dan KULIT, sila layari www.dermatology.org.my atau e-mel pertanyaan kepada kulitcampaign@yahoo.com. Artikel ini adalah sebagai panduan untuk membantu anda memahami dengan lebih baik mengenai psoriasis dan artritis psoriasis. Sila rujuk pengamal perubatan yang berkeelayakan sebelum bertindak terhadap mana-mana maklumat yang terkandung di atas. KULIT adalah sebuah program kemasyarakatan yang ditaja oleh Wyeth Malaysia.